



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT
MERANGKAP PENERUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA (YKN)**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN ANJUNG KASIH HOSPITAL BINTULU, SARAWAK

TARIKH/ MASA/LOKASI

**3 OGOS 2026 | ISNIN | 2 PETANG
ANJUNG KASIH HOSPITAL BINTULU, SARAWAK**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan
Salam Malaysia MADANI**

(SALUTASI akan disediakan)

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam satu majlis yang amat bermakna. Majlis ini merupakan **hasil jalinan kerjasama erat** antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesihatan Malaysia, Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Yayasan Bintulu Port dan Hospital Bintulu dalam **memperkuh usaha kebajikan demi kesejahteraan rakyat.**

2. Terlebih dahulu, kola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak, kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita dan seterusnya **menyempurnakan Majlis Perasmian Anjung Kasih Hospital Bintulu pada hari ini.** Kehadiran Yang Amat Berhormat merupakan satu penghormatan yang amat besar kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan inisiatif ini.

KOMITMENT KPWKM MEMPERKUKUH AGENDA KEBAJIKAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. KPWKM sentiasa komited memperkukuh agenda kebajikan negara melalui pelbagai dasar, program dan inisiatif yang memberi manfaat secara langsung kepada kumpulan sasaran. Komitmen ini dilaksanakan menerusi agensi-agensi di bawah KPWKM serta kerjasama strategik bersama pelbagai pihak bagi memastikan bantuan dan perkhidmatan kebajikan dapat disampaikan dengan lebih berkesan kepada rakyat.

4. Salah satu **inisiatif** yang dilaksanakan oleh KPWKM melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) ialah **penyediaan Anjung Kasih**, iaitu kemudahan penginapan sementara yang disediakan khusus untuk waris pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan.
5. Kola amat berbesar hati kerana Anjung Kasih Hospital Bintulu ini direalisasikan hasil kerjasama strategik antara YKN dan Yayasan Bintulu Port. **Tajaan penuh daripada Bintulu Port Holdings melalui Yayasan Bintulu Port berjumlah RM1.9**

juta telah membolehkan sebuah bangunan kuarters jururawat lama dinaik taraf menjadi kemudahan penginapan yang lebih selesa dan kondusif untuk dimanfaatkan oleh waris pesakit dan keluarga. Kerjasama ini membuktikan bahawa apabila kerajaan dan sektor korporat berganding bahu, lebih ramai rakyat dapat menikmati manfaatnya.

6. **Anjung Kasih Hospital Bintulu** merupakan Anjung Kasih ke-20 yang diwujudkan oleh YKN di hospital-hospital kerajaan seluruh negara. **Kemudahan ini** dilengkapi dengan **25 bilik**

penginapan termasuk sebuah bilik mesra OKU yang mampu menampung sehingga **75 orang penghuni** pada satu-satu masa. Selain itu, Anjung Kasih ini turut menyediakan pelbagai kemudahan lain seperti ruang tamu, bilik kaunseling, ruang aktiviti, pantri, surau, ruang membasuh, tandas serta kemudahan asas lain bagi memastikan **keselesaan waris pesakit** sepanjang berada di sini. **Semua kemudahan ini disediakan secara PERCUMA!**

INISIATIF PENUBUHAN ANJUNG KASIH

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Sejak inisiatif Anjung Kasih diperkenalkan pada tahun 2006 sehingga Jun 2026, **seramai 132,535 waris pesakit** telah mendaftar dan mendapat manfaat daripada kemudahan Anjung Kasih di seluruh negara. Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan YKN dalam memastikan waris pesakit mempunyai tempat penginapan yang baik ketika menemani ahli keluarga mendapatkan rawatan di hospital kerajaan.

8. Di Sarawak, **empat (4) Anjung Kasih** telah diwujudkan, iaitu di **Hospital Umum Sarawak, Hospital Miri, Hospital Sibul dan** yang terbaharu **Hospital Bintulu**.

MEMPERLUAS JARINGAN KERJASAMA STRATEGIK

Hadirin sekalian,

9. Saya ingin mengajak lebih ramai syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat swasta, yayasan korporat dan organisasi yang berkeupayaan untuk bersama-sama YKN

memperluaskan inisiatif kebajikan seperti Anjung Kasih. Saya percaya, **semakin ramai yang berganding bahu, semakin ramai yang memerlukan dapat dibantu**, selaras dengan semangat ***Whole of Society*** yang menekankan tanggungjawab bersama demi kesejahteraan masyarakat.

10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan pengiktirafan yang istimewa kepada dua individu yang penting dan telah memainkan peranan yang amat besar dalam merealisasikan pembinaan Anjung Kasih Hospital Bintulu.

11. Pertamanya, kepada Yang Berhormat Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki, Setiausaha Kerajaan Sarawak merangkap Pengerusi Bintulu Port Holdings, dan kepada YBhg. Dato' Ruslan Abdul Ghani, Ketua Pegawai Eksekutif Bintulu Port Holdings. Keikhlasan serta komitmen mereka untuk membantu golongan yang memerlukan telah menjadi pemangkin utama kepada terhasilnya kemudahan yang amat bermakna ini.

12. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya rakamkan kepada seluruh warga Bintulu Port Holdings yang telah bersama-sama menjayakan inisiatif ini. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih kepada warga Hospital Bintulu, khususnya Dr. Suzalinna Sulaiman, Pengarah Hospital Bintulu atas kerjasama erat yang telah diberikan sepanjang proses merealisasikan kemudahan ini.
13. Akhir kata, semoga Anjung Kasih Hospital Bintulu terus memberi manfaat kepada waris pesakit yang memerlukan serta menjadi pemangkin kepada lebih banyak kerjasama

strategik dalam memperkukuh agenda kebajikan negara. Semoga segala usaha murni ini terus diberkati dan membawa manfaat yang berpanjangan kepada rakyat.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB DATO SRI HAJAH NANCY SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

3 OGOS 2026